

12/09/1999

PM lawat Labuan 16 September

LABUAN: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai atur cara ketat sepanjang lawatan kerja dua hari ke Wilayah Persekutuan Labuan mulai 16 September ini.

Kebanyakan acara Dr Mahathir, yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, adalah berkaitan industri pelancongan.

Jurucakap urusan setia sambutan, Abd Karim Osman, berkata Perdana Menteri akan melancarkan risalah panduan pelancongan dan perniagaan Labuan serta video cakera padat (VCD) pelancongan Labuan, sempena jamuan tengah hari di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan.

Di majlis sama, sebuah buku pelancongan 'Layang-Layang: Drop In The Ocean' tulisan Nicolas Pilcher, Steve Oakley dan Prof Ghazally Ismail, dilancarkan.

Pada sebelah petangnya, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan wakil Saga Holidays Limited, sebuah agensi pelancongan beribu pejabat di United Kingdom serta pengurusan Hotel Sheraton.

Ini disusuli lawatan ke Pantai Pohon Batu, kawasan baru yang akan dimajukan sebagai destinasi pelancongan serta berbincang dengan Presiden Dewan Perniagaan Cina Labuan, Tan Sri Wong Chik Lim, di kediamannya di Sri Manikar, Pohon Batu.

Sebelum itu pada sebelah pagi, Dr Mahathir akan menemui pemimpin Umno di Bilik Bunga Raya, Ujana Kewangan, manakala Dr Siti Hasmah berjumpa pemimpin wanita di tingkat 18 kompleks yang sama.

Pada petangnya, Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) Labuan diketuai Ahli Parlimen Labuan, Datuk Abdol Mulok.

Acara utama lawatan Perdana Menteri ke Labuan kali ini ialah perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di Dataran Labuan.

(END)